

0017

U 8864 DEB
MAHATHIR - BURUH R R R
(I)

KUALA LUMPUR, 3 JUN (BERNAMA) -- KERAJAAN TIDAK TERLIBAT DALAM APA-APA USAHA UNTUK MENUBUHKAN SEBUAH PUSAT BARU UNTUK KESATUAN SEKERJA DI NEGARA INI, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

KATANYA, TERPULANGLAH KEPADA PARA PEKERJA SENDIRI UNTUK MENENTUKAN SAMA ADA MEREKA MAHUKAN SEBUAH LAGI PUSAT SELAIN KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC) DAN KERAJAAN TIDAK BERHAK MENGHALANG MEREKA DARIPADA MENDAFTARKAN PUSAT BARU MEREKA.

APABILA DITANYA SAMA ADA KERAJAAN MENYOKONG PENUBUHAN PERTUBUHAN BURUH MALAYSIA (MLO) YANG DICADANGKAN ITU, BELIAU BERKATA: +SOALNYA BUKANLAH MENYOKONG. KITA TIDAK MEMPUNYAI SEBAB UNTUK MENGHALANG PENDAFTARAN SESEBUAH PUSAT BAGI PEKERJA. JIKA ITULAH KEHENDAK MEREKA, KERAJAAN TIDAK BERHAK MENGHALANG. ITULAH PENDIRIAN KITA.+

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI PARTI SELAMA LEBIH TIGA JAM DI MENARA DATUK ONN DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

SEMASA DITANYA SAMA ADA PENGANJUR MLO TELAH MENGAMBIL +PETUNJUK+ DARIPADA KENYATAANNYA SEBELUM INI BAHAWA MTUC TIDAK SEHARUSNYA DIJADIKAN ALAT POLITIK, PERDANA MENTERI MENJAWAB BAHAWA TERPULANGLAH KEPADA MEREKA UNTUK MENTAFSIR KENYATAANNYA. -- LAGI.

1536MST 03 06 89
0034

U 8870 DEB
MAHATHIR - BURUH 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +ITU HAK DIA UNTUK MEMBUAT TAFSIRAN TENTANG KENYATAAN SAYA. KENYATAAN SAYA IALAH SELAGI PEMIMPIN PARTI LAWAN MENGUASAI MTUC, KITA AKAN MENGANGGAP MTUC SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA PARTI LAWAN KERANA PENDAPATNYA TIDAK BERBEZA DENGAN PENDAPAT PARTI LAWAN.+

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH BERSETUJU UNTUK MENEMUI PRESIDEN MTUC, ENCIK ZAINAL RAMPAK, SELEPAS MENERIMA SURATNYA DUA HARI LEPAS. ENCIK ZAINAL TELAH MEMINTA DIADAKAN PERJUMPAAN ITU UNTUK MEMBINCANGKAN PERKEMBANGAN DALAM PERGERAKAN BURUH.

APABILA DITANYA SAMA ADA SETIAUSAHA AGUNG MTUC, V. DAVID, AKAN JUGA HADIR PADA PERJUMPAAN ITU, YANG TARIKHNYA AKAN DITETAPKAN OLEH SETIAUSAHA SULIT PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ITU TIDAK MENJADI MASALAH.

+SAYA AKAN MEMBERITAHUNYA BAHAWA JIKA MTUC DIPIMPIN OLEH PARA ANGGOTA PARTI PEMBANGKANG SAYA AKAN MENGANGGAPNYA SEBAGAI PARTI LAWAN, ITU SAHAJA. SAYA TIDAK FIKIR MEREKA SEBENARNYA MEWAKILI PEKERJA-PEKERJA.+

KATANYA, BELIAU HAIRAN BAGAIMANA PEKERJA-PEKERJA ITU BOLEH DIWAKILI OLEH SEORANG PEMIMPIN YANG BERUSAHA SECARA AKTIF SUPAYA KEMUDAHAN SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP) YANG DINIKMATI OLEH MALAYSIA DITARIK BALIK YANG, JIKA BERLAKU, AKAN MENGAKIBATKAN PEKERJA-PEKERJA ITU KEHILANGAN PEKERJAAN. -- LAGI.

1607MST 03 06 89

D037

U B874 DEB
MAHATHIR - BURUH 3 KUALA LUMPUR

+JIKA ITU DIANGGAPKAN SEBAGAI BEKERJA UNTUK PEKERJA-PEKERJA, TAK FAHAMLAH SAYA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA ENCIK DAVID MASIH LAGI BERUSAHA SECARA AKTIF SUPAYA AMERIKA SYARIKAT MENARIK BALIK KEMUDAHAN GSP, BERDASARKAN KEPADA ISU HAK-HAK KEMANUSIAAN, DAN MTUC MENYOKONGNYA.

BELIAU SEKALI LAGI MENEGASKAN BAHAWA JIKA KEMUDAHAN GSP DITARIK BALIK, KIRA-KIRA 70 PERATUS KILANG DAN SYARIKAT-SYARIKAT LAIN TERPAKSA DITUTUP, MENGAKIBATKAN KIRA-KIRA 80,000 ORANG AKAN KEHILANGAN PEKERJAAN MEREKA.

APABILA SEORANG PEMBERITA MENCELAH BAHAWA JIKA GSP DITARIK BALIK, HANYA KEUNTUNGAN AKAN MEROSOT, PERDANA MENTERI KETAWA DAN BERKATA: +JIKA KEUNTUNGAN BERKURANGAN, MAKA ORANG AKAN MENUTUP KILANG-KILANG MEREKA DAN PERGI KE TEMPAT LAIN. KINI KITA BERSAING DENGAN THAILAND, INDONESIA, MALDIVES DAN NEGARA-NEGARA LAIN.+ -- LAGI.

1613MST 03 06 89

U B878 DEB
MAHATHIR - BURUH 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI SAMA ADA KERAJAAN AKAN MENGIKTIRAF MLO, PERDANA MENTERI BERKATA JIKA IA DIDAFTARKAN, TIADA CARA BAGI KERAJAAN UNTUK MENYATAKAN IA TIDAK WUJUD.

APABILA DITANYA JIKA BELIAU BERPENDAPAT PENUBUHAN SEBUAH LAGI PERTUBUHAN INDUK BURUH AKAN MEMECAHBELAHKAN PERGERAKAN BURUH DI NEGARA INI, BELIAU BERKATA TERPULANGLAH KEPADA PEKERJA-PEKERJA UNTUK MENENTUKAN APA YANG BAIK BAGI MEREKA.

+JIKA MEREKA MAHU MEREKA DIWAKILI OLEH SEBUAH PARTI POLITIK DAN MENGANGGAP DIRI MEREKA SEBAGAI SEBUAH PARTI POLITIK, MAKA KITA PULA AKAN MENGANGGAPKAN MEREKA SEBAGAI SEBUAH PARTI POLITIK.

+MUNGKIN PADA SATU HARI NANTI JIKA WUJUD SEBUAH KERAJAAN BURUH DI NEGARA INI, MEREKA AKAN DIANGGAP SEBAGAI PENYOKONG KERAJAAN TETAPI PADA MASA INI KITA BUKAN SEBUAH KERAJAAN BURUH,+ KATANYA.

MLO, YANG AKAN BEBAS DARIPADA POLITIK, DIANJURKAN OLEH KESATUAN KEBANGSAAN PEKERJA-PEKERJA BANK (NUBE).

NUBE TELAH BERKATA BAHAWA KESATUAN-KESATUAN SEKERJA YANG MENYOKONG PENUBUHAN MLO AKAN BERMESYUARAT PADA 12 JUN INI UNTUK MEMILIH ANGGOTA-ANGGOTA JAWATANKUASA PENAJANYA. -- BERNAMA.

1629MST 03 06 89

0041